senada

BULETIN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BIL. 383 | ISBN 0128-1742 | Januari 2014

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

Mengilham Harapan Mencipta Masa Depan



Konsert DiRaja Sempena Ulang Tahun Keputeraan ke-66 Tuanku Muhriz

Halaman 3

Naib Canselor Berazam Bawa UKM ke Mercu Keceemerlangan

Halaman 4

Kedudukan UKM Terus Meningkat

Halaman 5

Kencing Manis Risiko Terbesat Mengundang Serangan Angin Ahmar

Halaman 16

www.ukm.my

Pengurusan Universiti

Naib Canselor
Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali

Timbalan-timbalan Naib Canselor
Prof. Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A. Karim
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Dato' Dr. Saran Kaur Gill
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pendaftar
Puan Asmahan Musa

Bendahari
Hj. Mohd. Abdul Rashid Mohd. Fadzil

Ketua Pustakawan
Puan Hafsah Mohd

Editorial

Prof. Madya Dr. Norzalita Abdul Aziz • *Ketua Editor*
Abd. Razak Hussin • *Timbalan Ketua Editor*
Datuk Ahmad Rejal Arbee • *Editor Bersekutu'*
Datin Saadah Hj. Ja'far • *Editor Bersekutu*
Saiful Bahri Kamaruddin • *Editor Bersekutu*
Nastura Nasir • *Editor*
Nur Syafawati Kahar • *Penolong Editor*

Pengeluaran

Anthony Ulek Anak Jeti • *Senada elektronik*
Unit Foto PKK • *Fotografi*
Sharmiza Zan • *Pereka*
PKK • *Pengedaran*

SENADA elektronik boleh dicapai di:

http://www.ukm.my/pkk

Sidang Pengarang SENADA amat mengalu-alukan sumbangan daripada Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian untuk diterbitkan di ruangan-ruangan tetap, berita semasa mahupun rencana yang berkaitan dengan urusan keilmuan dan aktiviti Universiti. Sila hantarkan bahan-bahan tersebut kepada:

Editor SENADA
Pusat Komunikasi Korporat (PKK)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel: 8921 3544 / 8921 5151. Faks: 8921 4097
mel-e: pkk@ukm.my

Perutusan *Naib Canselor*



Apabila saya menerima tanggungjawab sebagai Naib Canselor UKM menggantikan Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, terasa amat berat untuk saya memikulnya. Memimpin sebuah universiti kebangsaan, saya pasti sangat berbeza tuntutan dan cabarannya berbanding universiti yang lain. Apatah lagi Universiti Kebangsaan Malaysia yang sejarah penubuhannya begitu panjang, getir dan unik. Sejarah penubuhan, pembentukan, pengukuhan dan perkembangannya telah diukir oleh para pelopor, pemimpin dan pendukungnya yang silih berganti. Setiap fasa perubahan itu telah meletakkan UKM pada kedudukan yang lebih baik, tinggi dan dihormati. Inilah cabaran besar buat saya dan rakan-rakan, memastikan rekod kecemerlangan universiti ini terus kemilau dan bergemerlapan.

Kita tidak ada pilihan melainkan terus menggalas obor kebangsaan sebagai institusi yang menjadi "guardian of the nation" dengan semangat yang bernyala dan penuh bangga. Kitalah yang terus mempertahankan nilai dan identiti kebangsaan menerusi pancaran bahasa kebangsaan untuk mencetus, mengembang dan menatarkan ilmu pengetahuan, budaya yang menyemarak perpaduan, keharmonian dan saling bertoleransi serta agama Islam sebagai agama rasmi negara yang menjadi sumber inspirasi mencipta tamadun kegemilangan.

Banyak prasyarat yang dapat melonjakkan universiti ini menjadi universiti ternama. Namun, bagi saya, sekiranya kita berjaya mencapai sekurang-kurangnya enam bidang keberhasilan utama berikut, tidak syak lagi UKM mampu meletakkan dirinya dalam kelas yang sama dengan universiti terkemuka di peringkat global. Bidang tersebut ialah graduan beridentiti kebangsaan, kompeten dan berdaya inovasi; penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi; penjanaan kekayaan strategik dan intensif; perhubungan strategik dan perkongsian pintar; tenaga kerja kompeten dan inovatif serta prasarana ilmu yang kondusif.

Secara jelas, saya mengimbau seluruh warga UKM, sama ada kelompok akademia, pengurusan dan perkhidmatan, pelajar dan juga alumni serta masyarakat umum untuk bersama-sama mendukung misi besar menjadikan UKM universiti terpilih yang berupaya membentuk sahsiah, pemikiran, kemahiran dan kemampuan menjadi modal insan bernilai tinggi yang mencetus, menggerak dan menjayakan program transformasi negara.

Marilah kita melangkah dengan berani, cekal, tabah dan sabar mengharungi segala cabaran bagi melonjakkan UKM mencapai misinya menjadi universiti terbaik dunia tanpa menggadaikan tanggungjawab dan aspirasi asal penubuhannya. Sama-samalah kita memastikan meskipun puncak kecemerlangan kita mencecah awan gemawan, namun akar kebangsaan kejab terpasak di mana kita sewajarnya berada.

Salam hormat,

Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali

Konsert DiRaja
Sempena Ulang Tahun Keputeraan Ke-66 Tuanku Muhriz

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin
Foto: Abd. Raai Osman, Ahmad Shahiddan Saidi

Konsert yang berkonsepkan muzik orkestra telah berlangsung sempena meraikan Hari Keputeraan Ke-66 Tuanku Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM. Konsert ini menggabungkan lebih 66 ahli muzik yang terdiri daripada kakitangan, pelajar UKM dan alumni UKM.



Dato' Dr. Johari sedang mengendali kumpulan Orkestra dengan lagu gubahannya

Lagu-lagu yang dipilih untuk dipersembahkan telah digubah semula muziknya oleh Dato' Dr Johari Salleh, tokoh muzik terkemuka tanah air dan Felo Utama di Pusat Akreditasi Pembelajaran UKM dan Mohamad Adzan Mohammad Fadzil, pegawai kebudayaan di Pusat kebudayaan Jabatan Perkhidmatan Pelajar. Pada majlis persembahan itu, selain memotong kek, Tuanku Muhriz turut berkenan menerima cenderamata khas.

Naib Canselor UKM Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, dalam ucapan alu-aluannya, merakamkan sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku Muhriz sempena hari keputeraan baginda.

Beliau berkata Konsert DiRaja UKM 2014 dipersembahkan sebagai tanda penghargaan seluruh warga UKM kepada Tuanku Canselor dan Tunku Ampuan Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Besar Tengku Besar Mahmud.

Antara pemuzik yang menghiburkan para hadirin ialah anakanda Tuanku Muhriz, Tunku Zain Al-'Abdin yang memainkan piano pada persembahan khas lagu tradisional *Tanah Pusaka*. Malam tersebut diserikan dengan persembahan artis jemputan penyanyi jazz terkenal Datuk Sheila Majid yang mendendangkan lagu-lagu yang sering dikaitkan dengan beliau; *Dia, Aku Cinta Padamu* dan *Sinaran* dengan iringan Orkestra UKM

Seorang lagi artis jemputan ialah Mohammed Rauzan Alwi, yang lebih dikenali sebagai Roy yang mempersembahkan lagu *Ku Impikan Bintang* dan *All of Me*.

Persembahan orkestra ini turut diserikan dengan penglibatan kumpulan tarian ARTISUKMA dan kumpulan PERMATApintar yang menghiburkan para hadirin dengan lagu *Putera Puteri* dan *Setia Malaysia*. Konsert diakhiri dengan persembahan penutup rangkaian lagu-lagu Beatles oleh gabungan orkestra dan kumpulan tarian UKM.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah UKM, kerabat DiRaja Negeri Sembilan, pegawai-pegawai kanan universiti dan para pelajar.

Naib Canselor Berazam Bawa UKM ke Mercu Kecemerlangan

Oleh: Shahfizal Musa
Foto: Abd. Raai Osman

Peranan UKM sebagai pelindung negara dan nilai kebangsaan harus dapat memberi ruang kepadanya menempah nama di pentas dunia sebagai sebuah universiti cemerlang. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali yang memulakan tugasnya sebagai Naib Canselor berkata UKM perlu menerajui program transformasi negara dengan sentiasa memelihara nilai-nilai kebangsaan. Ini dapat dilakukan dengan terus setia kepada hasrat penubuhannya. "Visi negara adalah visi kita, masalah negara juga masalah kita dan kecemerlangan kita patut membawa kepada kecemerlangan negara selain turut menyumbang kepada masyarakat global," katanya.



Prof. Noor Azlan berkata walaupun mungkin ada yang beranggapan oleh kerana UKM harus memartabatkan bahasa Melayu maka ia akan menjadi suatu penghalang kepadanya untuk mencipta nama di persada dunia.

Bagaimanapun beliau berkata nilai kebangsaan bukanlah suatu kekangan tetapi ia adalah suatu keunikan yang dapat melonjakkannya. Ini telah pun dibuktikan dengan tahap *ranking* beberapa universiti dari Jerman dan Jepun yang menggunakan bahasa kebangsaan mereka sendiri. Mereka tetap berada *ranking* yang tinggi. Tokyo University di Jepun umpamanya berada di tangga ke-27 daripada 400 universiti terbaik dunia mengikut *ranking Times Higher Education University World Ranking*. Beliau berkata untuk mencapai kecemerlangan UKM mesti setia kepada perjuangan dan asas penubuhannya.

Salah satu agenda yang dianggap penting olehnya adalah untuk memastikan pelajar yang masuk ke UKM ditransformasi menjadi modal insan contoh kepada semua. "Kita perlu memastikan apabila seseorang pelajar datang belajar di UKM, mereka akan berada dalam persekitaran yang lebih terbaik supaya apabila keluar nanti mereka menjadi modal insan yang bernilai tinggi," kata Prof. Noor Azlan.

Ini bermaksud mereka akan menjadi aset kepada kerajaan dan negara masing-masing termasuklah industri yang mereka ceburi serta masyarakat mereka sendiri. Siswazah UKM harus boleh memberi kesan positif tidak kira apa jua peranan yang mereka mainkan. Ini mungkin dianggap seperti matlamat yang tinggi melangit khususnya disaat pihak kerajaan sedang melaksanakan pemotongan belanjawan.

Beliau berkata pemotongan peruntukan demikian adalah suatu peluang untuk pihak universiti berusaha menjana kekayaan sendiri. Apa yang diperlukan hanyalah perubahan cara berfikir, suatu anjakan paradigma.

Pemotongan belanjawan ini adalah suatu isyarat kepada universiti untuk berusaha menjana pendapatan sendiri dan belajar berjalan tanpa disokong kerajaan setiap masa.

Prof. Noor Azlan berkata ia adalah peluang yang besar bagi UKM menerokai model baru yang dapat membantunya meneruskan pembangunan secara lestari. Ini boleh dilakukan dengan kolaborasi yang lebih intensif dengan pihak swasta dan industri serta kerajaan dan komuniti.

Beliau berkata banyak universiti yang tersohor di dunia juga melalui faktor daya tekanan sedemikian. Mereka telah pun menemui model operasi yang lestari dan mencapai kejayaan.
Ini juga adalah apa yang telah dilakukan UKM dan akan dipergiatkan lagi. Namun kita akan melakukannya mengikut acuan sendiri yang akan membawa kecemerlangan kepada negara dan melangkaui wawasan pelopor UKM yang telah berkorban demi keutuhan dan kecemerlangannya.

Kedudukan UKM Terus Meningkat

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin
Foto: Pusat Komunikasi Korporat

UKM telah meningkat kedudukannya kepada tempat ke-19 daripada tempat ke- 23 tahun lalu dalam senarai universiti sedunia yang berusia 50 tahun kebawah.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali menyatakan kegembiraannya dengan kedudukan itu seraya berkata "ia adalah suatu berita baik untuk semua di UKM". UKM adalah satu-satunya institusi pengajian tinggi dari Malaysia yang termasuk dalam senarai kedudukan *QS Top 50 Under 50* itu.

Ketua penyelidikan Unit maklumat QS, Ben Sowter berkata ia telah mempertimbangkan semua 800 universiti yang tersenarai dalam senarai tahunan Universiti Dunia untuk kedudukan Top 50 Under 50 itu. QS Top 50 Under 50 disusun oleh QS Quacquarelli Symonds, yang juga menghasilkan QS World University Rankings 2013/14.

Sowter berkata kedudukan UKM telah meningkat kerana University of Warwick dan University of Lancaster, kedua-duanya dari Britain dan Universiti Macquarie dari Australia telah terkeluar daripada senarai itu selepas meningkat usia penubuhan melebihi 50 tahun.

Beliau berkata sifat dinamik kedudukan itu telah menjadikannya suatu perbandingan yang menarik di dalam kedudukan global dan serantau. Beberapa universiti yang tersenarai pada kedudukan atas UKM tahun lepas juga ketinggalan dalam kedudukan pada keseluruhannya kali ini, kata beliau.



Sowter berkata senarai itu juga didasarkan mengikut kaedah yang digunakan untuk menyusun senarai tahunan QS World University Rankings, yang berasaskan kepada kualiti akademik dan majikan, nisbah fakulti-pelajar, petikan setiap fakulti, pelajar antarabangsa dan fakulti antarabangsa.

Hong Kong University of Science and Technology telah tersenarai di tempat teratas tahun ini, diikuti oleh Universiti Teknologi Nanyang di tempat kedua dan seterusnya oleh Korea Advanced Institute of Science and Technology dan City University of Hong Kong.

Prof. Riza Atiq Dilantik
TNC Akademik Dan Antarabangsa

Oleh: Nurul Haziqah Abdul Halim
Foto: Abd. Raai Osman



Prof. Dr. Ir Riza Atiq Abdullah



Prof. Datuk Noor Azlan, Naib Canselor UKM menyerahkan dokumen perlantikan kepada Prof. Riza Atiq

Pengarah Pusat Pembangunan Akademik, UKM, Prof. Dr. Ir Riza Atiq Abdullah telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa yang baru mulai 6 Januari 2014.

Beliau menggantikan Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali yang telah dilantik sebagai Naib Canselor baru UKM. Majlis Penyerahan dan Penerimaan tugas telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Canselori.

Ketika majlis penyerahan tugasnya itu, Prof. Noor Azlan berkata: "Kita tidak mahu menjadi sebuah universiti di mana semuanya yang dilakukan menjadi serupa hingga tidak wujud kepelbagaian".

Beliau berharap Prof. Riza Atiq dapat menggunakan ilmu dan pengalaman bertahunnya di UKM membantu usaha pengurusan melonjakkan UKM sebagai sebuah Universiti cemerlang dan pelbagai.

Prof. Riza Atiq berterima kasih kepada Prof. Noor Azlan kerana kepercayaan pengurusan kepadanya serta rakan akademik dan staf sokongan yang telah membantunya selama ini.

Beliau berazam menjulang UKM ke tahap lebih tinggi dengan berusaha menyediakan bahan pengajaran dan kursus baru yang boleh ditawarkan. Beliau berkata tanggungjawab besar itu mustahil dapat dilaksanakan tanpa bantuan semua dan berharap mereka akan bersama-samanya untuk melonjakkan UKM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang lebih baik.

Turut hadir di upacara itu ialah Timbalan-timbalan Naib Canselor yang lain, Ketua Jabatan, Pengetua Kolej Kediaman dan staf akademik UKM.

Prof. Dr. Mazlin Dilantik
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin
Foto: Abd. Raai Osman

Pengarah dan Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar dilantik Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UKM untuk tempoh tiga tahun. Pelantikan bermula 16 Januari 2014 itu disempurnakan dalam satu majlis ringkas penyerahan dan penerimaan tugas oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali kepada Prof. Mazlin yang menggantikan Prof. Dato' Dr. Rahmah Mohamed yang tamat tempoh tugasnya.

Prof. Mazlin dalam ucapan penerimaannya berkata cabaran yang amat besar menanti UKM bersama beberapa buah universiti penyelidikan lain adalah kekurangan dana bantuan untuk penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap institusi itu hanya akan menerima RM50 juta setahun, suatu pengurangan lebih daripada 50 peratus berbanding dengan peruntukan RM110 juta tahun lalu.

Beliau bagaimanapun melahirkan keyakinan bahawa di bawah kepemimpinan Prof. Noor Azlan, UKM akan mencari jalan bagi mencari dana tambahan melalui interaksi dengan universiti-universiti lain dan peningkatan penyertaan sektor swasta. Sambil menyifatkan pemotongan bajet sebagai satu peluang untuk berinovasi, beliau berjanji untuk sedaya upaya membantu menampung kekurangan itu dan menyeru semua institut penyelidikan UKM melaksanakan perbelanjaan berhemah.


Prof. Dr. Mazlin Mokhtar

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Prof. Ir Dr. Riza Atiq Abdullah, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni Prof. Dato' Ir. Dr. Othman A Karim dan Prof. Dato' Dr. Saran Kaur Gill, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat).

Prof. Mazlin juga adalah Ahli Senat UKM; Felo Institut Kimia Malaysia; Ahli Seumur Hidup dan bekas Ahli Jawatankuasa Eksekutif (2005-2009) Perkongsian Air Malaysia (MyWP) yang berkaitan dengan Perkongsian Air Global (GWP).

Projek kumpulan penyelidikan Prof. Mazlin mengenai Sistem Pengurusan Bahan Kimia untuk Malaysia di bawah tajaan Kementerian Pengajian Tinggi telah dianugerahkan hadiah terbaik untuk kategori sains sosial dan kemanusiaan tahun 2006-2008 di peringkat kebangsaan.

Beliau telah dilantik sebagai Felo dan Profesor Pelawat di IAEA - Monaco, UNRI - Indonesia, Kyoto University dan Universiti Rancangan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Jepun.

Prof. Mazlin telah menerbitkan lebih 130 artikel dalam bidang kimia alam sekitar dan bidang yang berkaitan. Beliau adalah Pengerusi Pengasas Rangkaian Pengurusan Bersepadu Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya Alam Sekitar dan Pembangunan Malaysia (MyNICHE).

Beliau juga mempengerusikan Kumpulan Kerja Perkongsian mengenai biodiversiti dan pengurusan alam sekitar yang terdiri daripada BP (Malaysia), NRE, WWF, ISIS, British Council dan lain-lain sejak tahun 1999. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Penasihat Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan dan Ahli Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan bagi Program Geran Kecil Rancangan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Universiti Asean
Prihatin Terhadap Masyarakat

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin
Foto: Muhammad Izwan Azman

Kejayaan projek kerjasama antara pelajar dari universiti-universiti dalam ASEAN menunjukkan bahawa remaja di rantau ini benar-benar mengambil berat terhadap masyarakat yang kurang bernasib baik di sekeliling mereka.

Naib Canselor UKM Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata belia yang berpendidikan tinggi di rantau ini menjadi lebih prihatin akan nasib rakyat miskin, berikutan kesedaran yang semakin meningkat dalam ASEAN.

Prof. Noor Azlan berkata demikian ketika merasmikan bengkel dua hari Penilaian dan Perancangan Program Sukarelawan Belia ASEAN (AYVP) bermula 27 hingga 28 Januari yang lalu.



Bengkel Penilaian dan Perancangan Program Sukarelawan Belia ASEAN (AYVP)

Beliau berkata bahawa hubungan antara universiti-universiti di ASEAN juga menjadi lebih kukuh kerana keperluan asas dan kepentingan bersama yang perlu ditangani.

AYVP adalah landasan khusus sukarelawan belia yang bertujuan mewujudkan peluang berkhidmat untuk mereka berpengetahuan, menyokong pertukaran pengalaman pembelajaran, membangunkan kapasiti, meningkatkan pemahaman silang budaya, menjalin semangat beridentiti serantau serta membantu masyarakat di seluruh ASEAN.
Prof. Noor Azlan berkata beliau sentiasa memberi keutamaan kepada hubungan ekonomi Malaysia dengan negara-negara ASEAN ketika bertugas di Jabatan Perdana Menteri sebagai panel pakar ekonomi.

Apabila kembali semula ke dunia akademik di UKM beliau terus menekankan kepentingan pelajar untuk turut terlibat dengan masyarakat serba kekurangan yang menghadapi pelbagai masalah baik di kawasan bandar mahu pun di kawasan kampung dan pedalaman.

Beliau memuji AYVP kerana mendorong remaja, terutama pelajar universiti, dalam ASEAN untuk menjadi rakyat yang lebih arif dan prihatin terhadap masyarakat serba kekurangan dengan berkhidmat kepada mereka.

Prof. Noor Azlan berkata kehidupan kampus dan aktiviti ilmiah kadang kala boleh mengalih perhatian pelajar daripada realiti kesusahan masyarakat dalam negara mereka sendiri.

Matlamat utama AYVP adalah untuk menggalakkan sukarelawan belia memberi sumbangan dalam usaha pembangunan masyarakat. Ia melibatkan anak-anak muda berusia antara 18 hingga 30 tahun dari kalangan universiti dan golongan profesional seluruh ASEAN.

UKM merupakan urus setia Asia Engage, sebuah pertubuhan payung serantau untuk menggalakkan penglibatan sosial dan komuniti oleh universiti-universiti di ASEAN. Prof Saran Kaur adalah Pengarah Eksekutifnya.

Melalui AsiaEngage, UKM menerajui tiga jaringan universiti untuk rantau ini: AYVP, jaringan Perindustrian dan Universiti Komuniti Asia-Talloires (ATNEU) dan Rangkaian Universiti ASEAN bagi Tanggungjawab Sosial (AUN-USR&S).

AYVP @ AsiaEngage dibiayai oleh Agensi Amerika Syarikat bagi Pembangunan Antarabangsa (USAID) dan disokong oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan.

UKM Diundang adakan Kursus Bahasa Melayu Di Uzbekistan

Oleh: Saiful Bahri Kamaruddin
Foto: Abd. Raai Osman

UKM menganjurkan akan kursus Bahasa Melayu di universiti-universiti di Uzbekistan, sebuah republik di Asia Tengah.

Permintaan itu dibuat oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dan Menengah Khas Uzbekistan, Botir Usmanov semasa melawat UKM pada 21 Januari yang lalu.

Usmanov berkata universiti di negaranya berminat untuk melaksanakan pelbagai kursus bahasa untuk meluaskan lagi program pendidikan tinggi mereka. Beliau berkata rakyat Uzbekistan perlu mempelajari bahasa selain daripada bahasa Russia, Inggeris dan bahasa Eropah lain kerana hubungan perdagangan dengan negara-negara Asia Tenggara dijangka semakin meningkat.

Usmanov mengetuai delegasi lapan anggota melawat UKM dan menemui Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah Rahmat. Ketika mengalu-alukan lawatan, Prof. Dr. Noor Azlan meramalkan kerjasama pendidikan antara kedua negara akan ditingkatkan, terutamanya dengan UKM.

Prof. Ir. Riza, semasa memberi taklimat kepada rombongan turut melontarkan pandangan positif yang sama mengenai kemungkinan peranan UKM membantu universiti di Uzbekistan.



Dari kiri: Prof. Dr. Imran Ho Abdullah, Prof. Dr. Riza Atiq Abdullah, Batir Usmanov dan Shukur Sabitov

Turut hadir pada taklimat itu, Pengarah Pusat Hubungan Antarabangsa, Prof. Dr. Imran Ho Abdullah, Dekan Fakulti Undang-Undang, Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin dan Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi, Prof. Dr. Marlina Darus.

Malaysia dan Uzbekistan telah menandatangani memorandum kerjasama antara kerajaan mengenai pendidikan. Beberapa universiti di Uzbekistan, termasuk Akademi Perubatan Tashkent dan Universiti Teknikal Tashkent telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Malaysia Perlis baru-baru ini.

Malaysia dan Uzbekistan menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1992 dan Putrajaya membuka kedutaannya di Tashkent pada tahun 1993. Sejak tahun 1992, Presiden Uzbekistan, Islam Karimov telah melakukan beberapa lawatan ke negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia. Mereka juga telah memperkukuhkan hubungan ekonomi dan kerjasama pelaburan, minyak dan gas serta pelancongan.

Uzbekistan dengan bilangan penduduk berjumlah 30 juta bersempadan dengan Kazakhstan dan Laut Aral di utara dan barat laut, Turkmenistan di barat daya, Tajikistan di tenggara, dan Kyrgyzstan di timur laut.

Uzbekistan adalah salah sebuah daripada negara Asia Tengah yang terbesar dan satu-satunya yang bersempadan dengan kesemua empat negara lain yang menganggotai Soviet Union sebelum perpecahannya.

Uzbekistan juga berkongsi sempadan yang singkat - kurang daripada 150 km - dengan Afghanistan di bahagian selatan.



Majlis Penghargaan
Tan Sri Sharifah Hapsah








KM
URI PUJANGGA








Majlis Penghargaan


BICARA FOTOGRAFI

bersama Raai Osman, Pusat Komunikasi Korporat
http://www.flickr.com/photos/raai58/



Merakam Gambar dengan *Shutter Speed* Perlahan

Menggunakan Shutter Speed memberikan satu kepuasan kepada pengguna kamera DSLR. Satu lagi yang anda boleh gunakan ialah Shutter Speed perlahan. Shutter Speed perlahan bermula 1/60 hingga 1/1. Pengguna hendaklah menggunakan kemudahan Tripod ketika merakam gambar dengan Shutter Speed perlahan.



Dua gambar (atas dan bawah) merupakan hasil rakaman menggunakan Shutter Speed perlahan



Kedamaian suasana air terjut boleh dihasilkan dengan Shutter Speed perlahan.

Menghasilkan karya fotografi dengan Shutter Speed perlahan dapat dilakukan pada subjek seperti air terjun, air sungai, pemandangan waktu malam. Pilih subjek yang anda minat maka hasilkan amali yang bermutu. Misalnya gambar di waktu malam. Letakkan ISO 100 (ISO akan diterangkan selepas siri ini). Pilih Shutter Speed yang perlahan katakan 1/1. Letakkan kamera diatas Tripod. Gambar yang perlu dirakam adalah sebuah bangunan yang diterangi dengan cahaya. Pada fungsi (S) atau (TV) iaitu Shutter Speed Priority. Menggunakan Shutter Speed 1/1 katakan Aperture yang diprogramkan ialah f/11. Shutter Speed 1/1 akan terdedah selama 1 saat. Maka apabila selesai rakaman dilakukan anda akan memperolehi gambar waktu malam yang menarik sekali.

Satu lagi amali fotografi yang menarik untuk dirakam ialah suasana air terjun dan sungai. Gambar-gambar ini cukup menarik minat pengkarya fotografi. Pilih Shutter Speed yang perlahan katakan pilihan anda ialah 1/1 atau ½. Dalam amali ini gunakan Shutter Speed perlahan manakala Aperture akan dipilih secara sendiri oleh kamera. Kamera juga perlu diletakkan pada Tripod agar tidak bergegar sewaktu Shutter ditekan. Gunakan Selvetimer atau Remote untuk merakamkan gambar-gambar seperti ini. Pilihlah lokasi air terjun atau sungai yang menarik minat anda.

Amali ini anda boleh kirimkan ke emel saya raaios@yahoo.com untuk dinilai dan akan dimuatkan ke dalam Facebook Pages saya di alamat: https://www.facebook.com/Raaimanphotoactive . Selamat mencuba dan selamat maju jaya dalam bidang fotografi.

Menambat Rakit

Sesudah demikian lama dicintai,
sukarlah dilupakan.
Inti pengalaman, kepedihan;
akar kerinduan keresahan…

Memang begitu banyak
diperlukan kekuatan,
kepangkalan batin, rakit ditambatkan
bara kenangan dikuatkan

Akhirnya, tak terduga, kekuatan membuak sendiri,
dan disedari, semua takkan sampai, ke dasar inti.
Tiada lagilah bezanya,
sama ada hilangnya kemudian
atau tenggelamnya sekarang.

Tiada juga bezanya ,
jika ia langsung tak datang
atau tiba-tiba terkorban

Kepiluan yang berlanjut akhirnya,
ditenterami keyakinan,
betapa dielak puntakdir
tetap terbuka pintunya

A. Samad Said (1985)

Pengambilan Ubat
Perlu Konsisten untuk Sembuh

Oleh: Shahfizal Musa
Foto: Ahmad Shahiddan Saidi

Dianggarkan seramai 92 peratus pesakit yang menghidap kedua-dua diabetes dan tekanan darah tinggi (hipertensi) gagal mengekalkan kesihatan yang memuaskan walaupun telah dibekalkan dengan bekalan ubat yang berkualiti.

Ini didedahkan oleh Prof. Paraidathathu Thomas I.P.G Thomas dalam syarahan perdana beliau. Syarahan tersebut telah di adakan di Kampus Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Prof. Paraidathathu Thomas I.P.G Thomas

Beliau yang juga seorang profesor di Fakulti Farmasi UKM berkata keadaan ini berlaku kerana pesakit gagal mengambil ubat secara betul. Dalam erti kata lain mereka tidak mengambil ubat mereka langsung atau sering lupa mengambil ubat.
Pesakit yang mempunyai kedua-dua diabetes dan hipertensi berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi lain seperti serangan angin ahmar (strok). Namun begitu, diperhatikan walaupun risiko mereka lebih tinggi mereka tidak mengambil ubat dalam kadar sepatutnya. Ini sama ada disengajakan atau sebaliknya.



Pesakit harus memiliki kesedaran dalam pengambilan ubat dengan betul -gambar hiasan

Manakala bagi pesakit yang hanya mempunyai diabetes tetapi tidak menghidap hipertensi, hanya kira-kira 41 peratus mematuhi rawatan ubat yang diperlukan untuk mengawal kesihatan dengan baik.

Walau bagaimanapun mereka yang menghidap hipertensi adalah lebih patuh daripada mereka yang menghidap diabetes. Sekitar 53.4 peratus mengambil ubat seperti yang dikehendaki. Ini agak menyedihkan kerana mereka dibekalkan dengan ubat yang berkualiti, tetapi tidak memanfaatkannya.

Menurut beliau pada tahun 2007 sebanyak RM 84,415,000 dibelanjakan oleh sektor awam untuk ubatan diabetes. Manakala untuk hipertensi sebanyak RM 113,078,000 pula telah dibelanjakan.

Kegagalan mengikut saranan perubatan ini telah menjejaskan usaha untuk memberi rawatan sebaik mungkin.

Manakala bagi pengamal perubatan pula mereka juga tidak bebas daripada kesilapan. Kira-kira 80 peratus pengamal perubatan memberi antibiotik kepada mereka yang mengidap selesema.
Antibiotik dikatakan tidak memberi sebarang kesan kepada selesema yang disebabkan oleh virus.

Sebaliknya ini mampu mengeruhkan keadaan kerana penggunaan antibiotik boleh menghasilkan mikrob yang tahan antibiotik. Ini boleh menjejaskan sistem pertahanan dalam diri.

Prof Thomas adalah salah seorang peneraju Fakulti Farmasi di UKM. Beliau telah menerima pelbagai anugerah kerana sumbangan beliau kepada kesihatan dalam negara.

Banginya anugerah yang paling dihargai oleh beliau adalah anugerah yang diterima daripada pelajar beliau iaitu gelaran 'The Coolest Lecturer.'

Inovasi Boleh Mencetuskan Perubahan Besar

Oleh: Shahfizal Musa
Foto: Ikhwan Hashim

Dalam keadaan dunia sekarang di mana penyelesaian lama tidak lagi dapat menyelesaikan masalah sedia ada, inovasi boleh memberikan kesan dan mendatangkan perubahan besar kepada sebuah masyarakat.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ahmad Ghazali berkata inovasi adalah sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan dapat dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Berucap ketika meraikan lebih 100 orang pelajar dari Korea, Indonesia dan Malaysia yang menyertai International Multidisciplinary *Design Camp 2014* di satu majlis makan malam pada 5 Februari yang lalu, beliau berkata sesuatu inovasi perlu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

Beliau telah memberi beberapa contoh inovasi yang telah menyelesaikan masalah masyarakat yang menunjukkan bahawa inovasi yang berkesan tidak bergantung kepada pendapatan kasar sebuah negara atau status seseorang.

Prof. Noor Azlan menyebut bagaimana inovasi Prof. Muhammad Yunus yang telah mewujudkan suatu sistem pinjaman mudah telah berjaya mengeluarkan jutaan rakyat Bangladesh daripada belenggu kemiskinan.

Prof. Yunus telah mencipta suatu sistem pinjaman mikro kredit yang membolehkan orang miskin menjadi usahawan, kata Prof. Noor Azlan. Satu lagi contoh yang diberikannya adalah suatu idea yang mudah tetapi telah menyelamatkan banyak nyawa bayi yang baru dilahirkan.

Dikenali sebagai Embrace Baby Wrap, ia adalah sehelai selimut yang berfungsi seperti inkubator bayi untuk memanaskan bayi. Bayi tidak perlu diletakkan dalam inkubator sebaliknya ia disaluti dengan bahan khas yang dapat menyediakan fungsi yang sama. Ia direka oleh beberapa pelajar dari Stanford University Amerika Syarikat.



Prof. Noor Azlan semasa sesi perbincangan dengan peserta

Pelajar-pelajar itu terpanggil untuk membuat sesuatu apabila mereka mendapat tahu kadar kematian bayi yang tinggi di negara-negara sedang membangun.

Dianggarkan sejumlah 20 juta bayi dilahirkan dengan berat badan berkurangan daripada 2.5 kg dan 96 peratus daripada mereka berada di negara-negara sedang membangun. Seramai 4 juta daripada bayi itu mati sebelum mencapai usia 27 hari.

Prof Noor Azlan berkata ciptaan itu telah memberi impak besar dalam usaha menurunkan kadar kematian bayi dan kini digunakan oleh hospital-hospital di Uganda. Penggunaannya juga telah tersebar luas ke India.

Selimut yang memanaskan bayi itu menggunakan kos yang rendah kerana berharga hanya 1 peratus daripada harga sebuah inkubator. Oleh itu ia mampu dimiliki oleh hampir semua hospital di negara-negara sedang membangun. Malahan sesuatu yang lebih membanggakan adalah inovasi yang merubah dunia ini dilakukan oleh para pelajar, tambah beliau.

Apa yang perlu dilakukan oleh pelajar kita adalah turun padang dan menilai masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan cuba menyelesaikannya, gesa Prof Noor Azlan.

Golongan pelajar universiti mempunyai kelebihan kerana minda mereka mempunyai perspektif yang berbeza. Mereka boleh nampak penyelesaian kepada sesuatu masalah, ketika orang lain berada dalam keadaan buntu, tambah beliau.

Kencing Manis Risiko Terbesar Mengundang Serangan Angin Ahmar

Oleh: Shahfizal Musa
Foto: Strokecenter.org

Dalam kajian Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) menunjukkan penyakit kencing manis (diabetes) adalah suatu risiko yang terpenting menyebabkan seseorang diserang angin ahmar di Malaysia.

Penemuan ini membimbangkan berikutan jumlah pesakit diabetes di Malaysia semakin meningkat, khususnya dalam kalangan generasi muda, kata Perunding Neurologi di PPUKM, Prof. Datin Dr. Norlinah Mohd Ibrahim.



Prof. Datin Dr. Norlinah Mohd Ibrahim

Prof. Norlinah yang juga Pengerusi *Kuala Lumpur Regionalised Stroke Intervention System (KRISIS)* telah mengumumkan hasil kajian itu pada Portal Berita UKM baru-baru ini.

Beliau berkata kajian itu mendapati hubungan rapat antara penyakit kencing manis dengan serangan strok. Kadar serangan strok yang berpunca daripada penyakit kencing manis didapati lebih tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia daripada penduduk mana-mana negara lain.

Kajian itu juga menunjukkan kira-kira 60 peratus pesakit strok yang dimasukkan ke PPUKM dalam jangka masa empat tahun turut mengidap penyakit kencing manis. Lebih membimbangkan setiap seorang daripada enam orang pesakit itu hanya mengetahui mereka mengidap diabetes apabila mereka dimasukkan ke hospital kerana diserang angin ahmar, kata Prof. Norlinah.

Faktor risiko strok yang paling lazim di seluruh dunia adalah penuaan dan penyakit darah tinggi. Penyakit diabetes pula hanya berada di tangga ketiga sebagai faktor risiko.

Bagaimanapun peningkatan kadar pesakit diabetes di Malaysia amat membimbangkan. Dianggarkan kadar peratusan mereka yang mengidap kencing manis adalah tiga kali lebih tinggi daripada yang biasa dilihat di negara lain termasuk negara-negara Asia yang mempunyai penduduk yang hampir sama dengan Malaysia.

Bagaimanapun Prof. Norlinah menegaskan bahawa bukan semua penghidap diabetes akan berakhir dengan serangan strok. Namun mereka mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk diserang angin ahmar berbanding mereka yang bebas daripada kencing manis. Risiko mereka juga akan bertambah sekiranya mereka juga memiliki faktor risiko lain.

Beliau berkata serangan angin ahmar yang paling kerap terjadi adalah ischaemic stroke. Ini berlaku apabila bekalan darah terhalang oleh gumpalan darah yang terbentuk dalam saluran darah. Ia turut berlaku apabila dinding saluran darah menjadi semakin tebal.


Prof. Norlinah berkata kebanyakan dinding saluran darah menebal dalam saluran kecil yang dikenali sebagai lacunar. Ini kebiasaannya dilihat terjadi ke atas mereka yang mempunyai tekanan darah tinggi.

Apa yang mengejutkan menurut data daripada PPUKM itu ialah strok jenis ini yang juga dikenali sebagai strok lacunar, lebih berkait rapat dengan diabetes daripada hipertensi.

Prof. Norlinah berkata walaupun perkaitan ini telah dibuat sebelum ini, tetapi "kepercayaan tradisional di kalangan masyarakat perubatan adalah strok lacunar lebih disebabkan oleh hipertensi dan bukannya diabetes. Hasil kajian kita telah menunjukkan yang diabetes juga memainkan peranan yang besar malah lebih besar daripada hipertensi."

Kajian itu turut mendapati serangan strok ke atas mereka yang berumur 50 tahun ke bawah semakin meningkat. Kebanyakan daripada mereka ini mengidap diabetes.





Gambar hiasan

Ini juga bercanggah dengan tanggapan perubatan semasa bahawa serangan strok di kalangan orang muda disebabkan struktur jantung yang tidak normal yang telah memberi kesan terhadap tekanan darah, kejadian darah beku atau penyakit yang ganjil.

"Pemahaman terhadap faktor risiko untuk mendapat strok adalah perlu untuk menangani peningkatannya secara mendadak. Kami berharap hasil kajian itu boleh menyumbang kepada usaha menanganinya baik di peringkat tempatan mahu pun global dalam rawatan diabetes kerana ia adalah penting untuk memerangi serangan strok," kata Prof. Norlinah mengakhiri perbincangan dengan Portal Berita UKM.

Prof. Norlinah menasihatkan masyarakat mendapatkan pemeriksaan kesihatan setiap tahun terutama mereka yang berumur 40 tahun ke atas dan mempunyai keluarga yang mengidap diabetes. Ini termasuk melakukan senaman dan mengamalkan gaya hidup yang sihat untuk menghindari penyakit kencing manis.

Mereka juga diseru mengawal pemakanan, melakukan senaman dan mengambil ubat-ubatan seperti yang ditetapkan. Mereka juga perlu kerap berjumpa dengan doktor.



Pusat Perubatan Universis Kebangsaan Malaysia (PPUKM)

Usaha Memulihkan Kualiti Air Di Tasik Chini

Oleh: Shahfizal Musa
Foto: Izwan Azman



Rombongan ECEDRC diberi taklimat oleh Dato' Mushrifah



Kompleks Makmal Air Tawar di Pusat Penyelidikan Tasik Chini UKM

UKM telah mengambil inisiatif memulakan kerja-kerja untuk memulihkan kualiti air di Tasik Chini agar airnya kembali jernih kembali sebagaimana era kegemilangannya.

Ini adalah berikutan beroperasinya Kompleks Makmal Air Tawar di Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) UKM. Kompleks Makmal itu dibiayai oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECEDRC).

Kunci Kompleks itu telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ECEDRC, Dato' Jebasingam Issace John kepada Ketua PPTC, Prof Dato' Dr. Mushrifah Idris baru-baru ini. Upacara itu disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof. Dato' Dr. Mazlin Mokhtar.

Prof Mazlin berkata apa jua penyelidikan yang dijalankan di Tasik Chini harus turut meningkatkan status sosio ekonomi masyarakat tempatan.

Beliau berharap air di tasik itu akan kembali jernih di mana bunga teratai yang pernah menjadi sinonim dengannya dapat tumbuh dan bercambah kembali.

Pemulihan kualiti airnya akan turut memberi impak positif kepada kehidupan liar di persekitaran dan tentunya akan menarik kembali lebih ramai pelancong, tambah beliau.

Aktiviti pelancongan sememangnya sudah ada dalam perancangan agar ia lebih mesra alam dan memberi manfaat kepada penduduk tempatan melalui peluang pekerjaan dan peluang perniagaan, kata Prof Mazlin.

Prof Mushrifah memberitahu Portal Berita UKM bahawa beliau berhasrat penyelidikan di tasik itu akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Mereka harus menerima faedah ekonomi dan sosial daripadanya, tambah beliau.

Beliau telah pun menubuhkan kumpulan pengkaji sosial dan ekonomi yang akan merumus cara untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di kawasan itu, termasuk Orang Asli.

Fasa kedua pemulihan Tasik Chini telah pun dirancang untuk menjadikannya pusat eko pelancongan. Ini akan membuka peluang untuk masyarakat tempatan menjana pendapatan daripada warisan dan keunikan yang ada pada mereka, kata Prof Mushrifah lagi.

UKM Sekali Lagi Mendominasi Kejohanan Kriket Universiti

Oleh: Shahfizal Musa
Foto: Shahiddan Saidi

Pasukan Kriket UKM sekali lagi telah mendominasi Kejuaraan Kriket Twenty20 antara universiti untuk memenangi Piala Menteri Pendidikan di Bayu Emas Oval pada 26 Januari yang lalu.

Amat ketara ia mendominasi kejohanan itu hinggakan kedua-dua pasukan UKM yang menyertai kejohanan itu telah berentap untuk menentukan pemenang di perlawanan akhir.

Pasukan UKM A telah mengalahkan Pasukan UKM B dengan 8 wiket pada perlawanan akhir kejohanan itu. Ini adalah kali ke-enam pasukan UKM menjuarai kejohanan itu berturut-turut.

Tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Kriket Universiti Islam Antarabangsa (UIA) setelah mengalahkan pasukan dari Asia Pacific University.


Sementara itu pemain terbaik perlawanan tersebut jatuh kepada Mohd Faizal Abu Hassan dari pasukan UKM A dan pemain terbaik seluruh kejohanan pula jatuh kepada peserta dari pasukan UKM B iaitu Mohd Fitri Makram.

Piala kejuaraan telah disampaikan oleh Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali. Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir dan majlis penyampaian hadiah ialah Timbalan-timbalan Naib Canselor serta wakil-wakil dari Persatuan Kriket Melayu dan Kementerian Pendidikan.



Kepuasan terpancar di wajah setiap pemain ketika menjuarai Kriket Twenty20 sambil ditemani Naib Canselor

Buku Baru




Guide to Peninsular Malaysia Medicinal and Edible Ferns
2014
Penerbit UKM: Bangi
ISBN 978-967-412-121-1
(kulit lembut)
76 halaman
RM 60.00
Noraini Talip, Mohamad Ruzi Abdul Rahman, Farrah-Melissa Moksin, Shamsul Khamis & Tajuddin Abdul Manap

This book provides user guide on how to prepare the remedies of ferns species in Peninsular Malaysia. In this volume, 50 medicinal ferns species were documented. These 50 species are among the most popular and locally known ferns apecies that have been used in traditional medicine. Some of the species are edible and popular as local dishes. A few species are also popular as ornamental ferns species.




Etnosentrisme dalam Syair-Syair Perang Melayu-Belanda
2014
Penerbit UKM: Bangi
ISBN 978-967-412-170-9
(kulit lembut)
248 halaman
RM 35.00
Zubir Idris

Kedatangan kolonial Barat di Alam Melayu seperti Portugis, diikuti Belanda, Sepanyol dan Inggeris sesungguhnya telah mencetuskan konflik yang berpanjangan di antara pihak penjajah dengan masyarakat peribumi yang akhirnya membawa kepada peperangan sebagai kemuncak pertembungan. Karya-karya persejarahan Melayu (historiografi Melayu) merakam dan mengabadikan bagaimana etnik peribumi Melayu Nusantara berjuang menentang penjajah bagi mempertahankan tanah air mereka.



Corporate Governance with reference to The Role of Whistleblowing in Malaysia
2014
Penerbit UKM: Bangi
ISBN 978-967-412-188-4
(kulit lembut)
118 halaman
RM 25.00
Hazlina Shaik Md Noor Alam & Hasani Mohd Ali

Corporate governance has now become a new paradigm of good responsible corporate business. As companies grow in strenght and numbers in a variety of areas, good corporate governance becomes vital. While corporate governance was originally steeped in traditional company laws', it has now broadened to encompass greater areas of concern. It is now no longer enough that corporate governance be limited within one's own company, but must also take into account how it could affect the public.



Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah Malaysia Siri 1 - Sejarah dan Organisasi
2014
Penerbit UKM: Bangi
ISBN 978-967-412-114-3
(kulit lembut)
202 halaman
RM 30.00
Abdul Manam Mohamad, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Md Zuraini Mashrom

Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah adalah sebuah tarekat yang sudah terkenal di dunia Islam. Pusat pengalaman tarekat ini terdapat di banyak negara Islam seperti di Timur Tengah, Asia Tengah, Eropah, Amerika, Afrika, Cina dan Asia Tenggara. Beberapa tokoh ternama di Timur Tengah terlibat dalam pengalaman tarekat ini seperti al-Din al-Kurdi, al-Marhum Prof. Dr. Judah, mantan mufti Syria dan al-Marhum Shaykh Kiftaro.

Pembelian/Pesanan: Kedai Buku Penerbit UKM
Tel: 03-89213138 Emel: penerbit@ukm.my

Diterbitkan oleh Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Kebangsaan Malaysia,
Mel-e: pkk@ukm.my Tel: +603-89215151/+603-89213544 Faks: +603-89214097
Dicetak oleh UKM Holdings Sdn. Bhd. © 2014 Universiti Kebangsaan Malaysia